

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# 1,213 kes baharu, tiga kematian

Sebanyak 155 kes sedang dirawat di ICU dengan 54 orang memerlukan bantuan pernafasan

## KUALA LUMPUR

Jumlah kes baharu harian Covid-19 di Malaysia terus merekodkan penurunan di bawah 2,000 dengan 1,213 kes dilaporkan pada Khamis.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Ab-

dullah berkata, dalam tempoh itu juga, tiga kematian dan 1,503 kes sembuh direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh daripada Covid-19 adalah sebanyak 312,461 kes.

Sementara itu, jumlah kumulatif kes baharu setakat ini ialah 328,466 kes manakala jumlah kumulatif kematian pula ialah 1,223 orang.

"Daripada jumlah kes baharu hari ini (Khamis), 1,207 merupakan kes tempatan melibatkan 866 warga tempatan dan 341 bukan warganegara semen-



DR NOOR HISHAM

tara enam lagi adalah kes import," menurutnya dalam hantaran di akaun Twitter rasmi beliau.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes aktif di negara ini pula ialah 14,782 kes sementara Selangor masih merekodkan kes tertinggi iaitu 353 diikuti Sarawak (303) dan Johor (142).

Beliau berkata, sebanyak 155 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 54 orang memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya tiga kes ke-

matian pada Khamis melibatkan warga tempatan iaitu lelaki berusia 82 tahun dan 60 tahun, dengan masing-masing menghidap penyakit kronik manakala seorang lagi wanita berumur 59 tahun tanpa sebarang penyakit lain.

Dr Noor Hisham berkata, selain itu, sembilan kluster baharu dikesan dengan lima membabitkan penularan di tempat kerja, tiga berkaitan komuniti dan satu melibatkan pusat tahanan, menjadikan jumlah keseluruhan kluster kini ialah sebanyak 1,276 dengan 428 kluster aktif.

"Kluster baharu membabitkan tempat kerja yang direkod-

kan ialah Tapak Bina Persiaran Setia dan Tapak Bina Persiaran Sursuria di Selangor, Jalan Wawasan Sembilan (Johor), Melamam (Sabah) serta Jalan Asuhan (Perak).

"Kluster baharu berkaitan komuniti pula adalah Sungai Atap (Sarawak), Kampung Padang Tembak (Sabah) dan Bunga Tanjung Bendahara (Kedah) manakala kluster yang melibatkan pusat tahanan ialah Depot Imigresen Semuja (Sarawak)," katanya.


Dr Noor Hisham berkata, jumlah kluster yang telah tamat pula ialah 848, termasuk 10 yang tamat pada Khamis.

- Bernama


## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

\* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 18 Mac 2021

### Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 327,253 kes kepada 328,466 kes



### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 328,466	PULIH: 312,461	ICU: 155	KEMATIAN: 1,223	KES BAHARU: +1,213
-----------------------------	----------------	----------	-----------------	--------------------

